

07 MAY 1998

LRT-ujian

STAR-LRT JALANKAN UJIAN FASA KEDUA

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (STAR) pengendali sistem transit aliran ringan STAR-LRT di ibu negara, mula menjalankan ujian fasa kedua sebagai persediaan bagi laluan ke Perkampungan Sukan Komanwel di Sri Petaling.

Dalam satu kenyataan hari ini, STAR berkata ujian dan pengendalian LRT telah giat dijalankan sejak minggu lepas termasuk latihan kepada pekerja STAR, operasi keselamatan, teknikal dan simulasi sepenuhnya sistem berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan pelancaran STAR-LRT dan Kompleks Sukan Bukit Jalil pada 11 Julai.

Kesemua tren STAR-LRT yang mempunyai dua gerabak ditambah kepada tiga gerabak dan ini menambah kapasitinya kepada 1,200 penumpang.

Tren-tren ujian akan beroperasi menggunakan landasan fasa pertama antara Ampang dan stesen Jalan Sultan Ismail.

Perjalanan dari stesen Jalan Sultan Ismail ke stesen Sri Petaling mengambil masa 24 minit dengan kadar tambang sebanyak RM2.90.

Pada peringkat awal tren akan beroperasi setiap 5 minit semasa waktu puncak dan setiap 8 minit di luar waktu puncak.

Semasa Sukan Komanwel, kekerapan perjalanan akan ditambah untuk menampung permintaan yang dijangka meningkat dan tren akan beroperasi setiap 3 minit pada hari pembukaan dan penutup temasya sukan itu.

-- BERNAMA

RZS oba